

01/02/2002

ROS beri amaran bubar PBRs jika gagal selesai krisis

KOTA KINABALU, Khamis - Pendaftar Pertubuhan (ROS) akan mengambil tindakan terhadap Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRs), termasuk membubarkan parti itu jika gagal menyelesaikan pertikaian dalamannya.

Tindakan awal jika gagal mematuhi peraturan ialah memberikan surat tunjuk sebab sebelum tindakan selanjutnya dilaksanakan, kata Pengarah ROS Sabah, Taisin Gantor.

Beliau berkata, setakat ini hanya wakil Datuk Dr Jeffrey Kitingan yang menghantar laporan hasil kongres parti yang berlangsung penuh kontroversi semalam.

Bagaimanapun, laporan itu tidak lengkap, manakala Tan Sri Joseph Kurup dijangka menyerahkan laporan mesyuarat yang dikendalikan penyokongnya selewat-lewatnya esok.

Taisin berkata, laporan daripada wakil Dr Jeffrey yang diterima tengah hari ini hanya mengandungi laporan minit mesyuarat tanpa senarai Ahli Jawatankuasa (AJK) dan laporan kewangan.

"Bagaimanapun, saya difahamkan wakil Jeffery akan menghantar laporan lain dalam tempoh terdekat ini. Laporan mesyuarat daripada Kurup belum diterima.

"Selepas menerima laporan lengkap mesyuarat daripada parti itu dan mendapati ada pertikaian, ROS akan memberi surat tunjuk sebab kepada parti itu.

"ROS akan teliti dan jika terbukti ada dua presiden dalam satu parti, kita akan beri surat tunjuk sebab mengikut Seksyen 16 Akta Pertubuhan 1966 kepada parti berkenaan.

"Jika mereka gagal menyelesaikannya, ROS berhak membatalkan pendaftaran," katanya.

Kongres ketujuh PBRs yang sepatutnya berakhir kelmarin kecoh sehingga dua presiden dipilih. Berikutan itu, Kurup dan Jeffrey masing-masing mendakwa presiden parti dan mesyuarat yang diadakan kumpulan masing-masing sah kerana lebih 50 peratus perwakilan mengundi.

Sementara itu, Kurup berkata laporan lengkap mesyuarat akan diserahkan kepada ROS, selewat-lewatnya esok.

Jeffery ketika dihubungi pula berkata, wakilnya sudah menghantar laporan mesyuarat berkenaan kepada ROS tengah hari ini.

"Kami sudah melakukan apa yang patut," katanya.

Kedua-dua 'Presiden' parti itu juga berkata mereka akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk memaklumkan keputusan mesyuarat masing-masing.

Bagaimanapun, sebelum menemui Perdana Menteri, mereka akan bertemu Ketua Menteri, Datuk Chong Kah Kiat terlebih dahulu.

Kurup, berkata beliau ingin menemui Perdana Menteri dan cuba untuk mendapatkan temujanji dalam masa terdekat bagi memaklumkan apa yang berlaku dalam kongres itu.

Jeffery pula akan menemui Perdana Menteri dalam tempoh terdekat selepas mendapat nasihat daripada Ketua Menteri.

Sementara itu, Barisan Nasional (BN) Sabah meminta pemimpin PBRs menyelesaikan segera masalah dalaman parti bagi meneruskan kestabilan politik negeri.

(END)